



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

PROGRAM KOLABORASI STRATEGIK BERSAMA KERAJAAN NEGERI : REFORMASI PENYALURAN BANTUAN AM NEGERI

PUTRAJAYA, 16 OKTOBER - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dengan kerjasama dan sokongan padu daripada Jabatan Akauntan Negara (JANM) dan Kerajaan Negeri telah berjaya menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dengan melaksanakan reformasi dalam penyaluran Bantuan Am Negeri di 11 negeri yang terlibat.

Reformasi dalam penyaluran Bantuan Am Negeri ini berjaya memperkemas sistem pembayaran bantuan JKM yang sebelum ini mengguna pakai kaedah baucar manual. Ia juga dapat mengurangkan risiko penyelewengan dan memudahkan proses pemantauan yang sistematik.

Sehingga Ogos 2024 terdapat sejumlah 543,008 penerima bantuan JKM seluruh Malaysia dan daripada jumlah tersebut, seramai 90,559 orang (16.7%) adalah penerima Bantuan Am Negeri. Kolaborasi strategik antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri melalui integrasi dua sistem iaitu eBantuanJKM dan iSPEKS (Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri) telah memudahkan proses pembayaran Bantuan Am Negeri bagi 11 buah negeri di Semenanjung dilaksanakan secara antara muka kedua sistem, tanpa melibatkan intervensi manual, menjadikan proses penyaluran bantuan yang lebih telus, cekap dan berkesan. Kerjasama seperti ini dapat memberi kesan positif terhadap perkhidmatan kepada golongan yang memerlukan sekaligus meningkatkan imej perkhidmatan Kerajaan di mata masyarakat.

Pelaksanaan inisiatif ini sangat bertepatan dengan hasrat dan halatuju Kerajaan supaya penyampaian perkhidmatan sektor awam diberi satu anjakan islah atau penambahbaikan berterusan terhadap landskap penyampaian perkhidmatan awam. Ia juga selaras dengan hasrat untuk mereformasikan perkhidmatan awam agar lebih pantas, tangkas dan dinamik di semua peringkat. Ia merupakan satu contoh transformasi penyampaian perkhidmatan awam berasaskan kepada pendekatan keseluruhan kerajaan secara bersepadu dan merentas agensi dengan membudayakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam sektor awam.

Dalam majlis ini, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam kolaborasi strategik tersebut. YB Dato' Sri turut menyampaikan cenderamata dan sijil penghargaan kepada wakil Jabatan Pesekutuan dan Negeri yang hadir.

Turut hadir dalam majlis ini adalah YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri KPWKM, YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, YBrs. En. Chua Choon Hwa, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), YBhg. Datuk Che Murad Sayang, Ketua Pengarah JKM, YBrs. Puan Zainani Jusoh, Timbalan Akauntan Negara (Korporat), Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Pegawai-pegawai kanan KPWKM, Bendahari Negeri dari 11 buah negeri terlibat, dan Pegawai dari Jabatan Persekutuan dan Negeri yang terlibat secara langsung dalam proses pengintegrasian ini.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
16 OKTOBER 2024**

NOTA:

iSPEKS:

Sistem Aplikasi iSPEKS merupakan sistem perakaunan berasaskan akruan dan diguna pakai oleh 11 Kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia. Sistem ini dibangunkan bagi merealisasikan hasrat Kerajaan ke arah lanskap perakaunan akruan dengan merekod, memproses dan mengurus transaksi kewangan bagi menjana penyata kewangan Kerajaan Negeri. iSPEKS berintegrasi dengan pelbagai agensi termasuk bank, agensi potongan gaji, agensi pukal, agensi terimaan dan agensi bayaran dan salah satu daripadanya adalah eBantuanJKM.

eBantuan JKM

Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (SPBK) yang merupakan sistem 'online' yang mempunyai pangkalan data penerima bantuan, diwujudkan bagi memudahkan proses pengurusan bantuan, pemantauan serta pengumpulan statistik di peringkat JKM.